

Nasional

UMP tumpu TVET selari hala tuju pendidikan tinggi

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) memberi perhatian serius terhadap pembangunan dalam bidang berteraskan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi membantu melonjakkan negara ke peringkat lebih tinggi.

Canselornya, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah, bertitah ia selaras dengan fokus pendidikan tinggi negara ketika ini.

Titahnya, UMP juga perlu bergerak terhadapan dalam menjayakan agenda berkenaan yang dilihat memberi peluang kepada universiti ini membina nama pada peringkat antarabangsa.

"UMP perlu memberi perhatian serius terhadap pembangunan bidang strategik ini, termasuklah bidang kecerdasan buatan atau artificial intelligence (AI).

"Beta yakin melalui kerjasama erat terjalin antara UMP dengan pihak industri dari dalam

dan luar negara, berupaya mengukuhkan peranan universiti ini dalam melahirkan modal insan memenuhi keperluan negara dan antarabangsa," titahnya ketika menyempurnakan Majlis Konvokesyen UMP Ke-14, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Naib Canselor UMP, Prof Dr Wan Azhar Wan Yusoff.

Seramai 3,782 graduan menamatkan pengajian pada majlis konvokesyen kali ini.

Dalam pada itu, Al-Sultan Abdullah bertitah baginda dimaklumkan universiti itu akan melancarkan Yayasan UMP bertujuan mendapatkan dana bagi membantu penuntut kurang berkemampuan untuk belajar dengan lebih selesa.

"Ia adalah satu usaha mulia dilakukan pihak universiti untuk menyediakan kemudahan kepada pelajar, dan beta menyenyar dermawan untuk menyumbangan, sebaliknya perlu mencari



Al-Sultan Abdullah, Wan Rosdy dan Dr Wan Azhar bersama penerima anugerah selepas Majlis Konvokesyen UMP Ke-14, di Kuantan, semalam.

bang kepada yayasan ini bagi kelestarian pembelajaran pelajar.

"Namun, pada masa sama, pihak universiti tidak boleh terlalu bergantung kepada sumbangan, sebaliknya perlu mencari

rakan strategik baru untuk memastikan mampu bersaing pada peringkat nasional dan global," titahnya.

Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan rasa syukur dan

bangga terhadap pencapaian dan perkembangan UMP dalam pelbagai bidang dan baginda menyifatkan ia adalah hasil tadbir urus yang cemerlang dan perancangan yang holistik.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)